

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**KPM SAMBUT BAIK PENGUMUMAN YAB PERDANA MENTERI,
LAKSANA SEGERA PEMBERIAN BAUCAR BUKU UNTUK GURU**

Kementerian Pendidikan (KPM) menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim atas pengumuman pemberian baucar buku kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) bawah KPM sewaktu menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2025.

Pengumuman YAB Perdana Menteri mencerminkan keperihatinan beliau terhadap kepentingan membudayakan amalan membaca dalam kalangan masyarakat termasuk golongan pendidik. Inisiatif ini juga bertepatan dengan usaha berterusan KPM untuk mempertingkatkan amalan membaca di semua peringkat selain sebagai usaha menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan pendidik.

Inisiatif ini dijangka akan memberi manfaat kepada lebih 430,000 orang PPP di seluruh negara. KPM akan segera memperincikan inisiatif pemberian baucar buku kepada PPP seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dan melaksanakannya dalam tempoh masa terdekat.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
1 JUN 2025**